

12) STATUS PERUMAHAN

Adun : Y.B. Datuk Seri Jamil Bin Salleh (Dengkil)

Kategori : Bertulis

Sesi : 3 (2025)

Sub soalan :

- a) **Berikan statistik projek sakit yang diambil alih oleh Kerajaan Negeri Selangor di kawasan DUN Dengkil dan status tanah di kawasan perumahan Menara Bukit Changgang.**

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa kini Kerajaan Negeri belum mempunyai cadangan untuk mengambil alih sebarang projek sakit di kawasan DUN Dengkil khususnya melibatkan projek D'Menara Bukit Changgang.

Sehingga 31 Oktober 2025, secara keseluruhannya pemaju telah membangunkan sebanyak 405 unit kediaman dan perumahan daripada keseluruhan 838 unit (48%) yang telah diluluskan seperti mana kelulusan Kebenaran Merancang oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) bagi pembangunan Taman Perumahan D'Menara, Bukit Changgang. Daripada jumlah tersebut, keluasan tanah yang telah dibangunkan adalah seluas 6.591 ekar daripada 16 ekar (41%) keluasan tanah yang diluluskan bagi tujuan pembinaan perumahan dan perniagaan. Komponen pembangunan yang telah dibina di dalam kawasan pembangunan Taman D'Menara, Bukit Changgang adalah seperti berikut :

BIL.	KOMPONEN	BIL. UNIT	STATUS
1.	Rumah Pangsa Kos Rendah (Carnation 1) 1 Blok 4 Tingkat	72 Unit Rumah 9 Unit Kedai	CFO penuh pada 8 Januari 2007.
2.	Rumah Pangsa Kos Rendah (Carnation 2) 1 Blok 4 Tingkat	72 Unit Rumah 9 Unit Kedai 1 Surau, 1 Tadika, Dewan Serbaguna & Perpustakaan	CFO penuh pada 30 Disember 2005.
3.	Rumah Pangsa Kos Sederhana Tinggi (Tulip 1 & Tulip 2) 2 Blok Rumah Pangsa 5 Tingkat	100 Unit Rumah	TCF pada 19 Mac 2013 dan belum dilanjutkan.

BIL.	KOMPONEN	BIL. UNIT	STATUS
			Perlu selesaikan cantuman lot kerana bangunan berada di atas Lot 5351 dan Lot 5352.
4.	Rumah Pangsa Kos Sederhana Tinggi (Tulip 3 & Tulip 4) 2 Blok Rumah Pangsa 5 Tingkat	90 Unit Rumah	CFO penuh pada 30 Disember 2005.
5.	Rumah Pangsa Harga Sederhana (Morning Glory) 1 Blok Rumah Pangsa 4 Tingkat	48 Unit Rumah 8 Unit Kedai	TCF bersyarat pada 6 Mac 2011 iaitu perlu memperbaiki kerosakan bangunan dan tangka air.

Seterusnya, berdasarkan rekod dan semakan daripada Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) mendapati terdapat unit kediaman dan perniagaan yang masih belum dibina di dalam pembangunan Taman D'Menara, Bukit Changgang seperti berikut :

BIL.	KOMPONEN	BIL. UNIT	STATUS
1.	Rumah Pangsa Kos Sederhana (Morning Glory 2) 1 Blok Rumah Pangsa 4 Tingkat	42 Unit Rumah 7 Unit Kedai	Belum Dibina
2.	Rumah Pangsa Kos Sederhana Tinggi 1 Blok 10 Tingkat	216 Unit Rumah	Belum Dibina
3.	Rumah Teres 2 tingkat (18 x 65)	81 Unit Rumah	Belum Dibina
4.	Rumah Teres 2 tingkat (20 x 70)	86 Unit Rumah	Belum Dibina
5.	Rumah Sesebuah	1 Unit Rumah	Belum Dibina